

Proton pertaruh 3 model generasi baharu tahun depan, kata Dr Mahathir
The Malaysian Insider
July 8, 2015

Proton Holdings Bhd yang menyambut ulang tahun ke-30 hari ini, akan mempertaruhkan 3 model generasi baharu tahun depan bagi meningkatkan jualan dan prestasi kewangan, kata pengerusinya Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata model baharu tersebut merupakan peningkatan daripada model sedia ada iaitu Saga, Persona dan Perdana hasil kerjasama dengan syarikat pengeluar kereta terkemuka Jepun, Honda.

"Dalam industri automotif, memang kita ada pinjam meminjam teknologi. Syarikat kereta gergasi (yang lain) pun bertukar-tukar teknologi. Dalam hal ini, kita cuma menggunakan platform saja daripada Honda dan yang lain adalah hasil usaha kita sendiri.

"Saya benar-benar berharap ketiga-tiga model yang akan memasuki pasaran secara berperingkat mulai Januari tahun depan akan mendapat sambutan yang memberangsangkan," katanya pada majlis berbuka puasa Proton di Shah Alam, hari ini.

Beliau berkata, model tersebut akan memiliki reka bentuk dan sistem elektronik terkini mengikut cita rasa pengguna zaman ini, serta dilengkapi ciri keselamatan yang mencukupi.

Dr Mahathir berkata prestasi Proton agak kurang baik sekarang ini walaupun berusaha dengan gigih menghasilkan kereta yang berkualiti dan canggih setaraf kereta luar negara seperti model Iriz.

"Saya dapati model Iriz sangat baik kerana amat ringan dan mudah dipandu berbanding dengan kereta luar negara yang sama kualiti. Namun sambutan pengguna kurang baik.

"Tetapi, baru-baru ini kita dapati sambutan bagi model Preve lebih baik," katanya. – Bernama, 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/proton-pertaruh-3-model-generasi-baharu-tahun-depan-kata-dr-mahathir>